

Empat IPTA naik taraf universiti penyelidikan

BH-16/10/2006

JELI: Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) dinaikkan taraf sebagai universiti penyelidikan mulai tahun depan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, berkata berikutan kenaikan taraf itu, nisbah pengambilan pelajar bagi program pengajian peringkat ijazah pertama dan ijazah lanjutan akan mengalami perubahan.

“Bilangan pengambilan pelajar empat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terbabit akan ditumpukan terhadap pengajian peringkat ijazah lanjutan dengan mengurangkan pengambilan ijazah pertama.

“Bilangan kemasukan pelajar ke universiti tetap sama. Cuma yang berbeza tumpuan lebih diberikan kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran pada peringkat sarjana dan doktor falsafah,” katanya selepas menyampaikan bantuan banjir berjumlah RM60,000 kepada 600 pelajar di parlimen Jeli yang terbabit bencana itu tahun lalu, di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jeli, di sini semalam.

Mustapa berkata, universiti lain akan menampung pengambilan pelajar baru untuk mengikut pengajian peringkat ijazah pertama.